

TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL DALAM KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KENDERAAN/JENTERA MILIK LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG



DISEDIAKAN DAN DISAMPAIKAN
OLEH

Mohd Hanid Bin Abdullah Sani ,
Ketua Cawangan Undang-undang
Urusetia Ketua Pengarah

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG



1. TUJUAN

- 1.1 Kertas ini bertujuan memberi panduan untuk tindakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab di Lembaga Pertubuhan Peladang Ibu Pejabat, Negeri atau di Pertubuhan Peladang.
- 1.2 Supaya Pegawai-pegawai di LPP Negeri dapat memberi nasihat yang benar kepada anggota-anggota yang terlibat dengan kemalangan.

2. TAFSIRAN

2.1 " Kenderaan "

ertinya semua pengangkutan yang berlesen khusus untuk membawa orang dan barangan.

2.2 " Jentera "

ertinya apa-apa mesin yang digunakan bagi tujuan kerja-kerja pertanian / bukan pertanian seperti traktor, forklift, jentuai, jentolak, jengkaut, jengkorek, traktor 2 roda, dan mesin - mesin sama ada berlesen atau pun tidak berlesen.



3. LATAR BELAKANG

3.1 Pada masa yang lalu terdapat kes-kes kemalangan yang berlaku di LPP Negeri dan di PP yang dirujuk terus kepada Unit Undang-undang , Urusetia Ketua Pengarah untuk nasihat dan tindakan.

3.2 Terdapat juga kes-kes yang mudah hanya untuk tindakan pihak insurans tetapi masih juga dirujuk kepada Unit Undang-undang.

3.3 Pertukaran dan perlantikan pegawai baru kurang mendapat pendedahan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kemalangan kenderaan/ jentera.

3.4 Lembaga Pertubuhan Peladang telah membekalkan dan menempatkan Kenderaan dan Jentera di –

- Lembaga Pertubuhan Peladang Ibu Pejabat
- Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri
- Lembaga Pertubuhan Peladang Wilayah
- Pertubuhan Peladang

3.5 Terdapat juga sebilangan kecil Kenderaan / Jentera yang dianugerahkan oleh kerajaan secara terus kepada -

- Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri
- Lembaga Pertubuhan Peladang Wilayah
- Pertubuhan Peladang

Kedudukan perlindungan bagi kenderaan ini boleh diklasifikasikan seperti berikut :-

(a) Milik LPP - ada insuran dan bayaran cukai jalan

(b) Milik Kerajaan - ada insuran tetapi tiada bayaran cukai jalan

(c) Milik Kerajaan - tiada insuran dan ada cukai jalan RM0/=

4. ISU / KES

4.1 Kes kemalangan kepada pihak ketiga dan kenderaan pihak ketiga:-

- Terdapat kes dimana kenderaan kerajaan tanpa insuran dan cukai jalan terlibat dalam kemalangan
- Kesannya, kerajaan, LPP, PP serta pemandu jentera itu disaman oleh pihak ketiga di mahkamah. Akibatnya, PP menanggung semua bayaran kerana kerajaan menafikan tuntutan ' tortfeasor '

4.2 Kes kemalangan kepada anggota PP yang memandu atau menumpang kenderaan LPP :-

- Terdapat kes pekerja PP menuntut gantirugi kepada LPP dan PP kerana terlibat dalam kemalangan yang melibatkan kenderaan LPP.

4.3 Kes kemalangan yang melibatkan kematian kepada anggota PP yang memandu atau menumpang kenderaan LPP atau pihak ketiga:-

- Pemandu akan ditahan untuk siasatan lanjut samaada ada unsur-unsur dadah/alkohol.
- Wakil LPP boleh memberi jaminan LISAN kepada polis yang pemandu itu ialah anggota LPP.
- Dengan JAMINAN LISAN itu Polis dalam keadaan biasa melepaskan pemandu unutm dipanggil bagi membantu siasatan pada suatu tarikh yang ditetapkan.
- Pemandu atau saksi-saksi hendaklah becakap benar setiap masa semasa dalam siasatan.

4.4 Kes pemandu traktor meninggal dunia akibat kemalangan " self inflicted accident "

- Terdapat kes di mana waris simati menuntut gantirugi kepada PP dan LPP kerana pekerja tersebut meninggal dunia akibat ' self inflicted accident '.

4.5 Kes tuntutan pampasan kemalangan yang telah berlaku lama dan tidak di sedari oleh LPP Negeri dan LPP Ibu Pejabat.

- Terdapat kes di mana kemalangan telah berlaku lebih dari satu tahun akibat kecuaiian pihak ketiga tetapi dengan tiba-tiba tuntutan pampasan dikeluarkan oleh Mahkamah kepada pemandu LPP secara 'personel' sedangkan LPP Negeri atau LPP Ibu Pejabat tidak mengetahui

5. Tindakan yang perlu diambil oleh Pengurusan LPP jika berlaku kemalangan Kenderaan / Jentera –

5.1 Pemandu Kenderaan / Pengendali Jentera.

- Mencatat nombor kenderaan-kenderaan yang terlibat.
- Melaporkan kepada pegawai yang bertanggungjawab di Ibu Pejabat atau Negeri.
- Membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam dari tarikh dan masa kemalangan.

5.2 Pegawai yang bertanggungjawab di Ibu Pejabat / Negeri / PP

(a) Mencatat butir-butir kemalangan

- Bila - tarikh dan masa
- Di mana
- Siapa terlibat
- Bagaimana boleh terjadi
- Berapa taksiran kerugian

(b) Membuat laporan rasmi kepada Syarikat Insuran dengan menyediakan lampiran dokumen berikut :-

- Salinan Sijil Pendaftaran
- Salinan Cukai Jalan
- Salinan Sijil Insuran
- Salinan Laporan Polis
- Salinan Surat Kebenaran Memandu kepada Pemandu (jika perlu)

(c) Hubungi Syarikat Insuran tanyakan jika ada kes mahkamah, siapa peguam panel Syarikat Insuran.

- catat nama pegawai di syarikat insurans yang dihubungi .
- catat nama, alamat dan nombor telefon peguam tersebut.

(d) Jika LPP Ibu Pejabat / Negeri menerima saman / tuntutan di mahkamah.

- Hubungi Syarikat Insuran
- Hantar satu salinan saman dan lain seperti dalam 5.2(b) kepada peguam insurans.

6. Jika saman diterima terlalu lewat tidak sempat menyediakan dokumen untuk insuran dan peguam.

6.1 Wakil LPP hendaklah hadir di mahkamah untuk sebutan. Bila nombor kes disebut wakil hendaklah bangun dan mengatakan

" Dengan izin tuan Majistret / Hakim saya dari LPP memohon supaya kes ini ditangguhkan kerana baru terima saman padadan sedang menguruskan untuk menggunakan khidmat peguam dari Syarikat Insuran"

selalunya hakim akan menangguhkan kes tersebut. Apabila kes ditangguhkan kepada suatu tarikh lain, pegawai hendaklah menguruskan tindakan seperti di perenggan 5(2)(b), (c) dan (d).

(Jangan lupa ucap ' Terima Kasih Tuan')

6.2 Apabila kes ditangguhkan kepada suatu tarikh lain, pegawai hendaklah menguruskan tindakan seperti di perenggan 5(2)(b), (c) dan (d)

7. CARA KES DI SELESAIKAN

7.1 Penyelesaian di luar mahkamah

- (a) kebanyakan kes tuntutan gantirugi atau pampasan insuran bermula di mahkamah
- (b) kedua-dua peguam akan meminta kebenaran mahkamah untuk berunding di luar mahkamah dalam menentukan ' damages '.
- (c) setelah dipersetujui kedua-dua peguam akan menghubungi anak guam masing-masing dan memberi tahu nilai tersebut.
- (d) jika anak guam bersetuju maka kedua-dua peguam akan meminta mahkamah merekodkan persetujuan itu.
- (e) Selepas itu mahkamah akan mengeluarkan perintah supaya bayaran dibayar melalui peguam

7.2 Jika tiada persetujuan antara kedua pihak

- (a) jika tiada persetujuan maka satu perbicaraan akan ditetapkan oleh mahkamah.
- (b) Peguam-peguam akan membentangkan tuntutan dan pembelaan dengan mengemukakan ekshibit dan saksi.
- (c) Akhirnya mahkamah akan menentukan nilai yang perlu dibayar.

Jika mana-mana pihak tidak puas hati, mereka boleh merayu kepada Mahkamah yang lebih tinggi. Rayuan hanya dua kali

8. PENUTUP

Adalah diharapkan agar mesyuarat dapat mengambil maklum dan mendapat panduan serta menasihati LPP,PP dan anggotanya dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan kemalangan dan tuntutan.


CARTA ALIRAN TINDAKAN DALAM KEMALANGAN JENTERA



BERLAKUNYA KEMALANGAN – PEMANDU/PENUMPANG CATAT : MASA, DIMANA, SIAPA LAGI TERLIBAT, AMBIL NO. KENDERAAN LAIN YANG TERLIBAT. SIAPA SAKSI




BUAT LAPORAN POLIS DALAM TEMPOH 24 JAM – CONTOH LAPORAN DI LAMPIRAN B




LAPORKAN KEPADA PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB DI LPP /PPK



PEGAWAI CATATKAN – MASA, TARIKH, DIMANA, SIAPA TERLIBAT, BAGAIMANA TERJADI BERAPA TAKSIRAN KERUGIAN, DAPATKAN FOTOKOPI GERAN , CUKAI JALAN, LESEN PEMANDU, POLISI INSURANS, LAPORAN POLIS. SEMUA DOKUMEN INI DIFAILKAN DALAM FAIL KHAS.



PEGAWAI : LAPOR PADA INSURAN, DAPATKAN BUTIRAN FIRMA PEGUAM INSURAN, CATAT NAMA PEGAWAI INSURAN & PEGUAM YANG DIHUBUNGI




1. JIKA PEMANDU/KENDERAAN LPP YANG CEDERA ATAU MUSNAH, MINTA IBU PEJABAT LPP MELANTIK PEGUAM UNTUK BUAT TUNTUTAN GANTIRUGI.
2. JIKA PEMANDU/KENDERAAN LPP TIADA KECEDERAAN/KEMUSNAHAN SERAHKAN PEGUAM INSURAN UNTUK URUSKAN TUNTUTAN GANTI RUGI PIHAK YANG MENUNTUT.


CARTA ALIRAN TINDAKAN JIKA LPP MENERIMA SAMAN KEMALANGAN KENDERAAN DI JALAN RAYA TANPA TEMPOH NOTIS YANG MENCUKUPI



LPP/PPK TIBA-TIBA MENERIMA SAMAN MENGENAI TUNTUTAN KEMALANGAN TANPA PERSEDIAAN MELANTIK PEGUAM UNTUK PEMBELAAN




ISI BORANG NOTIS KEHADIRAN JANGAN MENGAKU SALAH DAN CATATKAN AKAN GUNA KHIDMAT PEGUAM, FAILKAN NOTIS KEHADIRAN SECEPAT MUNGKIN SEBELUM TARIKH PERBICARAAN.



WAKIL LPP/PPK HADIR DI MAHKAMAH PADA TARIKH DAN MASA YANG DITETAPKAN APABILA KES DIPANGGIL , HENDAKLAH BERDIRI DAN BERKATA " Tuan Magistret/Hakim Saya nama Dari LPP baru terima saman pada Dan sedang menguruskan untuk melantik peguam oleh itu mohon suatu penagguhan'



Apa bila Hakim menangguhkan kes ucapkan ' Terima kasih tuan' '



Apabila kembali ke pejabat, uruskan ' seperti CARTA ALIRAN TINDAKAN DALAM KEMALANGAN JENTERA